

# ورتا فرنشن Warta Penerangan



OGOS 2020



# مقرنکن اقليکاسي موده اليه جابتن قفرعن



InfoDeptBN



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the  
App Store

GET IT ON  
Google Play


Memperkenalkan

## Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
  - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
  - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



Sila imbas  
Kod QR  
untuk mengetahui  
lokasi-lokasi  
naskhah  
Pelita Brunei

**DI MANAKAH  
AWDA BOLEH  
MENDAPATKAN  
NASKHAH  
PELITA BRUNEI ?**

### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
- Rimba Point, Tasek Rimba
- Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
- Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
- Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
- Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
- Pusat Kesihatan Muara
- Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
- Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
- Pusat Kesihatan Pengkalang Batu
- Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
- Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
- Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
- Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
- Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
- Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
- Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
- Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
- Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
- Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
- Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
- Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
- Stesen Minyak MABOHAL Jln Kebangsaan
- Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
- Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
- Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
- Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
- Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
- Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
- Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
- Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
- Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

### DAERAH TUTONG

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
- Petani Mall
- Hospital PMMPMHAMB
- Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
- Pusat Kesihatan Lamunin
- Pusat Kesihatan Telisai
- Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
- Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
- Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
- Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

### DAERAH BELAIT

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
- Pusat Kegiatan Warga Emas
- Plaza Seria
- Hospital Suri Seri Begawan
- Pusat Kesihatan Sungai Liang
- Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
- Stesen Minyak ROXANA Seria
- Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
- Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

### DAERAH TEMBURONG

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
- Terminal Perahu Tambang
- Kompleks Utama Bumiputra
- Hospital PIHM
- Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



InfoDeptBN

Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun *InfoDeptBN*.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan

• • • • • • •

**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Hargai khidmat bakti pegawai, kakitangan Penerangan	5-7
Kongsi pengalaman sepanjang perkhidmatan	7-9
Poster Kementerian Kesihatan Jangkitan Virus 2019-nCoV	10
Lebih 70 pegawai, kakitangan hadiri Bengkel Microsoft Excel	11-13
Doa Qunut Nazilah	14
Poster Kementerian Kesihatan Cegah Influenza (Flu)	15
Sudut Penerangan salur maklumat kepada masyarakat	16-17
Poster Kementerian Kesihatan Lindungi Diri dan Orang Sekeliling Awda dari Menjadi Sakit	17
Jalani penempatan kerja di DBP	18-19
Poster Kementerian Kesihatan Maklumat terkini mengenai wabak COVID-19	19
Pedoman	20-21
Selera Kampung Kitani 'Sayur Pisang Mangkal Masak Lemak'	22

# Hargai khidmat bakti pegawai, kakitangan Penerangan

Teks: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adri Azraie Pg. Haji Nikman dan Unit Penerbitan Melayu



GAMBAR ramai Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang bersara serta berkhidmat lebih 15 dan 25 tahun.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos.- Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1442 dan diselajurkan dengan Majlis Meraikan Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan Yang Bersara serta Yang Telah Berkhidmat Lebih 15 dan 25 tahun.

Majlis diadakan di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini berserta pegawai dan

kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha diikuti dengan bacaan Surah Yasin dan Surah Al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Unit Kenegaraan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Majlis disusuli dengan penyampaian cenderamata kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang bersara dan diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah berkhidmat selama lebih 15 dan 25 tahun sebagai penghargaan jabatan di atas khidmat yang telah dicurahkan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada mantan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Ali Omar (kiri) yang telah bersara dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini (kanan) yang berkhidmat lebih 15 tahun.

## Hargai khidmat bakti pegawai, kakitangan Penerangan (sambungan)



**PEMANGKU Pengarah Penerangan menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Penolong Penyunting Tingkat II, Hajah Zaianit binti Haji Noorkhan (kiri) yang menamatkan perkhidmatan dan Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Aliasan bin Haji Kalong (kanan) yang telah berkhidmat lebih 25 tahun.**

Penyampaian cenderamata disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Adalah diharapkan majlis penghargaan seumpamanya akan menjadi ristaan dan kenangan dalam lipatan sejarah sepanjang perkhidmatan di jabatan ini bagi para pegawai dan kakitangan yang bersara sementara bagi mereka yang masih meneruskan perjuangan meniti usia perkhidmatan ia akan menjadi pemangkin untuk terus berjaya sesuai dengan tuntutan semasa.



**SALAH seorang kakitangan jabatan, Pelayan Open Vote, Awang Yahya bin Haji Jumat yang telah berkhidmat lebih 25 tahun menerima sijil penghargaan dan cenderamata daripada Pemangku Pengarah Penerangan (kanan) sementara gambar bawah ialah antara pegawai dan kakitangan yang hadir dalam majlis tersebut.**





**PENTERJEMAH**, Hajah Musmariani binti Haji Mohammad menerima sijil penghargaan daripada Pemangku Pengarah Penerangan (kiri) sementara gambar kanan sebahagian pegawai dan kakitangan yang masih berkhidmat dan telah bersara hadir pada majlis tersebut.

Usaha seumpama ini perlu diteruskan sebagai penggalak dan pembakar semangat ke arah peningkatan produktiviti kerja pegawai dan

kakitangan jabatan ini untuk terus menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

## Kongsi pengalaman sepanjang perkhidmatan

Teks: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan



**PEMANGKU** Pengarrah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (tiga kanan) bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini (lima kiri) mengabadikan gambar kenangan bersama tiga orang pegawai yang sudah bersara dan pegawai yang masih berkhidmat di jabatan ini.

**P**ARA pegawai dan kakitangan kerajaan setentunya telah melalui pelbagai cabaran semasa menjalani apa juu tugas dan tanggungjawab yang diberikan sepanjang berkhidmat sama ada di sektor kerajaan atau swasta.

Perkhidmatan yang lama hingga mencecah usia ke 55 atau 60 tahun, setentunya memiliki banyak pengetahuan, pengalaman serta

kepakaran untuk dikongsikan kepada para pekerja generasi baharu sebagai penerus tugas akan datang.

Apabila melangkah ke alam persaraan, berbagai-bagai perasaan akan timbul dan yang pasti akan merasa terharu kerana sudah banyak kenangan-kenangan pahit dan manis yang telah terpahat dan tidak dapat dilupakan

sepanjang perkhidmatan bersama pegawai dan kakitangan sepejabat.

Ke arah itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri pada Sabtu, 10 Muhamarram 1442 bersamaan 29 Ogos 2020 telah mengadakan Majlis Meraikan Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan Yang Bersara serta Yang Telah Berkhidmat Lebih 15 dan 25 Tahun bersempena

## Kongsi pengalaman sepanjang perkhidmatan (sambungan)



*PEGAWAI Penerangan, Hajah Zabaidah binti Haji Salat (kiri) sementara gambar kanan Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md. Noor masing-masing mengongsikan pengalaman bertugas di Jabatan Penerangan.*



dengan Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1442.

Majlis berlangsung di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Pegawai Penerangan, Hajah Zabaidah binti Haji Salat yang bersara pada 28 Ogos 2020 ketika ditemui berkata, beliau telah berkhidmat di bawah 10 orang Ketua Jabatan atau Pengarah selama 37 tahun berkhidmat di Jabatan Penerangan.

Di bawah Ketua-ketua Jabatan yang berbeza ini jelasnya setentunya memperoleh banyak ilmu pengetahuan serta pengalaman di samping mempunyai ramai sahabat terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan.

Beliau mula berkhidmat di jabatan ini melalui Skim Latihan Kerjaya melalui Jabatan Pelajaran pada tahun 1981 dan berkhidmat sebagai Pemberita Bergaji Hari pada 15 Jun 1983.

Pada tahun 1984 beliau menjawat jawatan sebagai Pemberita dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Penyunting Kanan yang kini dikenali sebagai Penolong Penyunting Tingkat I bermula 1 Januari 2002 dan dinaikkan jawatan sebagai Pegawai Penerangan bermula 14 November 2013 hingga ke hari ini.

Menyentuh mengenai perbezaan cara bertugas dahulu dan sekarang terangnya begitu ketara sekali iaitu dari segi kemudahan teknologi. Dahulu jika Pemberita bertugas membuat temu bual perlu menggunakan alat perakam suara (*tape recoder*) berbanding pada masa ini boleh dilakukan melalui telefon bimbit, menggunakan mesin taip untuk membuat laporan berita dan masa kini semua kerja-kerja pemberitaan dilaporkan dengan menggunakan komputer, komputer riba atau telefon bimbit dan kemudian dihantar melalui e-mel. Kecanggihan teknologi masa kini telah memudahkan segala tugas.

Jelasnya, Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei jauh lebih berkembang dibandingkan semasa beliau bertugas dahulu yang pada mulanya diterbitkan hanya sekali

seminggu dan beliau sendiri pernah membuat tugas penyuntingan dan reka letak akhbar ini serta pernah menerajui cawangan Pelita Brunei yang ditempatkan di Jabatan Percetakan Kerajaan sehingga tahun 2008, di mana semua pegawai dan kakitangan Bahagian Pelita Brunei ditempatkan kembali di Ibu Pejabat Jabatan.

Pelita Brunei tambahnya sekarang semakin maju dan berkembang, sama ada dari segi penulisan bahan-bahan berita, lebih banyak ruangan dan dari segi reka letak juga lebih menarik. Dengan perubahan perisian akhbar masa ini, ia menurutnya, amat relevan sebagai bahan bacaan semua peringkat umur.

Apa pun perubahannya, Pelita Brunei dahulu dan sekarang katanya tetap mengekalkan misi ke arah menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Beliau menyarankan kepada generasi penerus Pelita Brunei supaya sentiasa mengekalkan kerjasama dalam suasana harmoni di samping mengikuti latihan dan pendedahan sama ada di dalam dan luar negara yang mengkhususkan kepada penulisan, reka letak,

penyemakan dan sebagainya.

Sementara Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md. Noor, ketika ditemui turut menceritakan pengalaman beliau sepanjang bertugas di jabatan ini.

Mula ditugaskan di Bahagian Bilik Berita Radio Televisyen Brunei (RTB) pada tahun 1981 setelah mengikuti Program atau Skim Latihan Kerjaya Jabatan Pelajaran sejak 1980.

Pada 28 Jun 1986 beliau ditetapkan jawatan sebagai Pemberita dan ditempatkan di Bahagian Pelita Brunei iaitu setahun setelah Jabatan Penerangan dan RTB dicantumkan di bawah satu jabatan dikenali sebagai Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada 1 Disember 1985.

Pada 1 Oktober 1988, beliau dinaikkan pangkat selaku Penolong Penyunting Tingkat II dan seterusnya dinaikkan jawatan sebagai Penolong Penyunting Tingkat I pada 28 November 2006 sehingga bersara pada 20 Mei 2020.

Jelasnya, bertugas di awal tahun 1980-an semua bahan berita diperoleh melalui pendekatan bersama pihak pengangur tanpa sebarang siaran akhbar dan keadaan itu berbeza ketika ini di mana hampir semua kementerian dan jabatan kerajaan menyediakan siaran akhbar dan teks-teks ucapan yang diperlukan bagi kemudahan wartawan dan pemberita.

Kecanggihan teknologi sekarang dengan maklumat di hujung jari, kebanyakan sumber boleh diperoleh melalui internet namun tegasnya segala maklumat yang diperoleh perlu memastikan kesahihannya.

Ketika ini katanya, juga sering

diadakan Sidang Media yang lebih memudahkan para pemberita dari pelbagai agensi penyiaran dan media cetak mendapatkan maklumat dengan mudah.

Manakala bagi Haji Ahmad bin Haji Salim yang mula berkhidmat di RTB pada 12 Oktober 1988 mula melapor diri sebagai Pemberita di Jabatan Penerangan pada 1 Mac 1993.

Pada 29 Januari 2009, beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Penyunting Tingkat II hingga menamatkan perkhidmatan pada 19 Mac 2020.

Memegang jawatan sebagai Penolong Penyunting Tingkat II, beliau berkata antara tugas yang pernah dipertanggungjawabkan ialah membuat laporan berita, menyelaras pembahagian tugas harian kepada para pemberita berpandukan catatan liputan harian sebagai bahan berita untuk dimuatkan ke dalam akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei dan *online*.

Tugas lain yang pernah dilaksanakan ialah menyelaras ruangan Iklan Pelita Brunei selama 9 tahun sebelum berpindah ke Bahagian Kandungan Khas Pelita Brunei bagi menyediakan rencana mingguan, bulanan dan tahunan.

Ruangan-ruangan yang pernah beliau kendalikan ialah ruangan Lensa, Selera Kampung Kitani (SKK) dan menyelaras Bahasa Kitani.

Menurutnya, bertugas di penghujung tahun 1980-an dan di awal 1990-an memang jauh berbeza iaitu tanpa teknologi canggih.

“Sekarang dengan kepesatan teknologi turut merubah cara bekerja dengan adanya pelbagai *gadget* seperti komputer,



HAJI Ahmad bin Haji Salim menamatkan perkhidmatan pada 19 Mac 2020.

tablet dan telefon bimbit boleh mempercepatkan laporan berita di mana berita boleh dihantar dengan cepat melalui e-mel dengan menggunakan telefon bimbit dari lokasi-lokasi bertugas berbanding dahulu, bahan berita perlu disiapkan di pejabat atau dihantar melalui faksimile,” ujarnya.

Kemudahan penyimpanan bahan berita yang ditulis juga katanya sangat mudah ketika ini iaitu melalui pelbagai kemudahan seperti cakera padat, disket dan yang terkini ialah dengan menggunakan *pen-drive*.

Beliau juga melahirkan rasa syukur kerana tugas sebagai Pemberita dan Penyunting turut memberi ruang untuk bertugas membuat laporan di luar negara seperti negara-negara ASEAN, Asia, Eropah, Afrika, Timur Tengah dan lain-lain termasuk liputan Sukan SEA di beberapa buah negara anggota.

Acara seumpama ini merupakan tanda penghormatan dan mengenang jasa bakti yang telah dicurahkan setelah bertahun-tahun bertungkus lumus mengerah tenaga, keringat dan buah fikiran serta menempuh pelbagai cabaran dalam sama-sama menyumbang ke arah peningkatan produktiviti organisasi masing-masing.

# Jangkitan Virus 2019-nCoV apa yang awda perlu tahu

"saya baru pulang dari kawasan yang terjejas dan merasa tidak sihat! apa yang patut saya buat?"

- dapatkan rawatan perubatan dengan segera
- tutup mulut dan hidung semasa batuk /bersin
- berehat di rumah
- kerap membasuh tangan dengan sabun

## tanda-tanda biasa:

demam




batuk



kesukaran bernafas




cirit-birit



gejala saluran cerna (perut & usus)

## kes-kes yang teruk boleh menyebabkan:




jangkitan paru-paru yang teruk



dirawat dalam penjagaan intesif

kegagalan organ



kematian

## AMARAN

Virus 2019-nCoV berpotensi untuk menyebabkan kematian dan pada masa ini, tidak ada vaksin untuk menentangnya. Sila rujuk pakar kesihatan awda jika bimbang tentang simptom yang dialami.

## Lebih 70 pegawai, kakitangan hadiri Bengkel Microsoft Excel

Teks: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Ihsan HADTech College dan Peserta Bengkel



*PARA pegawai dan kakitangan yang mengikuti Bengkel Microsoft Excel bagi Kumpulan 1 bermula 17 hingga 19 Ogos 2020.*

**USAHA-USAHA** ke arah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan terus dilaksanakan oleh Unit Penyelidikan dan Perkembangan Jabatan Penerangan sesuai dengan peranannya secara berterusan memantau kemajuan dan perkembangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) warga jabatan ini.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai fungsi serta manfaat dalam penggunaan Microsoft Excel, seramai 78 pegawai dan kakitangan jabatan ini menghadiri Bengkel Microsoft Excel secara berkumpulan sejak 4 Mac 2020.



*PESERTA Kumpulan 2 mengabadikan gambar kenangan bersama sijil masing-masing setelah mengikuti bengkel tersebut bermula 24 hingga 26 Ogos 2020.*

## Lebih 70 pegawai, kakitangan hadiri Bengkel Microsoft Excel (sambungan)



GAMBAR ramai para peserta Kumpulan 3 yang mengikuti bengkel bermula 31 Ogos dan 1 hingga 2 September 2020.

Para peserta bengkel dibahagikan kepada enam kumpulan di mana setiap kumpulan dihadiri oleh seramai 10 peserta yang melibatkan pegawai dan kakitangan Bahagian II ke bawah.

Kumpulan pertama menghadiri bengkel yang dikendalikan oleh Micronet International College pada 4 hingga 5 Mac sementara lima kumpulan lagi menghadiri bengkel yang dikendalikan oleh HADTech College.

Bengkel antaranya bertujuan untuk memudahkan tugas sehari-hari di samping dapat membantu memperkembangkan produktiviti kerja dengan lebih efektif dalam mengumpulkan data dan maklumat secara lebih mudah dan teratur melalui kemahiran yang diperolehi.

Hingga ke penghujung tahun ini, beberapa buah kursus disusun akan diikuti oleh pegawai dan kakitangan jabatan ini iaitu antaranya Kursus Penyampaian



PARA peserta Kumpulan 4 bergambar kenangan setelah mengikuti bengkel berkenaan bermula 24 hingga 26 Ogos, 28 hingga 30 September dan 1 Oktober 2020.

## Lebih 70 pegawai, kakitangan hadiri Bengkel Microsoft Excel (sambungan)

Berkesan, Bengkel Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), dan Kursus Induksi masing-masing dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober dan November ini.

Perisian lembaran kerja (*spreadsheet*) seperti Microsoft Excel menjadi pilihan ramai pengguna untuk menyiapkan pelbagai tugasan berkaitan perakaunan, perekodan dan lain-lain kerana ia dilengkapi dengan pelbagai fungsi. Sungguhpun begitu, masih ramai

lagi pengguna yang tidak mengetahui fungsi-fungsi ringkas perisian ini yang mampu meningkatkan produktiviti pengguna untuk menyiapkan kerja.

Penggunaannya banyak membantu mempermudahkan tugas-tugas sehari-harinya bagi kegunaan menyunting, menganalisis, meringkas dan membuat data, grafik, catatan, laporan kewangan, jadual, dan sebagainya.



KUMPULAN 5 yang menghadiri Bengkel Microsoft Excel bermula 7 hingga 9 September 2020.



PARA peserta mendengarkan penerangan daripada pengendali Bengkel Microsoft Excel.

### Doa Qunut Nazilah

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا  
فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرًّ مَا قَضَيْتَ،  
فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَّتَّ،  
وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ  
عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوْبُ إِلَيْكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجَنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ  
فِي كُلِّ مَكَانٍ، الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ  
الْأَمْرَاضِ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Tatacara dan Panduan Membaca Doa Qunut Nazilah:

1. Disunatkan untuk dibaca secara nyaring pada setiap sembahyang fardhu sama ada secara berjemaah atau pun bersendirian.
2. Khusus bagi sembahyang berjemaah, imam membacanya secara nyaring dan makmum mengaminkannya.
3. Dibaca pada rakaat terakhir iaitu semasa l'tidal setelah membaca Tahmid (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ).
4. Tidak perlu melakukan sujud sahwai jika tertinggal bacaan Doa Qunut Nazilah.
5. Disunatkan mengangkat kedua tangan semasa berdoa.
6. Tidak perlu menyapu tangan ke muka selepas berdoa.

Nota: Doa Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di Masjid secara berjemaah pada Hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah samada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang fardhu lima waktu. Tetapi masih juga boleh dipilih mana waktu yang kita mampu atau sesuai melakukannya, seperti dalam Sembahyang Subuh, Maghrib dan Isya', tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu.

# CEGAH INFLUENZA (FLU)

## Apa Yang Perlu Awda Lakukan Jika Menghidapi Influenza:



Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin dengan tisu. Buang tisu ke dalam tong sampah dengan segera.



Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air yang bersih atau gunakan *hand sanitizer*.



Dapatkan rehat yang mencukupi di rumah. Jarakkan diri dari individu yang sihat.



Banyakkan minum air dan makan makanan yang berkhasiat.



Elak daripada berada di tempat tumpuan ramai. Jika tidak dapat dielakkan, gunakan penutup hidung dan mulut (*face mask*).



Jangan berkongsi peralatan peribadi seperti saku tangan dan tuala dengan orang lain.



Jangan bergantung kepada antibiotik kerana Influenza bukan disebabkan oleh bakteria.



Segera dapatkan rawatan lanjut jika sekiranya gejala menjadi bertambah teruk.

## Sudut Penerangan salur maklumat kepada masyarakat

Teks: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Muhammad Asri Haji Abas



*SALAH sebuah Sudut Penerangan yang terdapat di rumah panjang Ulu Belait bagi kemudahan penduduk kampung mendapatkan maklumat semasa.*

**S**UDUT Penerangan yang disediakan oleh Jabatan Penerangan di beberapa lokasi di daerah-daerah khususnya di kawasan pedalaman dihasrat dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada orang ramai untuk menambah ilmu pengetahuan serta mengetahui maklumat terkini mengenai aktiviti kerajaan melalui bahan-bahan bacaan dan terbitan Jabatan Penerangan. Walaupun kita berada di zaman moden di mana maklumat mudah diperoleh di hujung jari akan tetapi, bahan-bahan cetakan masih lagi relevan dan diguna pakai oleh masyarakat sekali gus mengajak setiap warga di negara ini untuk pandai membaca dan tidak buta huruf.

Di Daerah Belait, Sudut Penerangan diletakkan di beberapa lokasi iaitu di Rumah Panjang Teraja dan Rumah Panjang Mendaram Besar di Ulu Belait selain beberapa buah rumah panjang yang lain seperti Rumah Panjang Buau, Rumah Panjang Sukang dan Rumah Panjang Biadong.





**SUDUT Penerangan** yang terletak di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong (atas) secara langsung dapat berkongsi maklumat dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan pembaca serta menambahkan lagi ilmu pengetahuan melalui bahan bacaan. Gambar kanan pula ialah Sudut Penerangan di Daerah Temburong yang dapat memupuk minat membaca di pelbagai peringkat umur.



Di Daerah Tutong tiga lokasi dikenal pasti untuk diletakkan Sudut Penerangan ini seperti di Lobi Bangunan-bangunan Kerajaan, Balai Raya Lamunin, dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong.

Manakala di Daerah Temburong, Sudut Penerangan ditempatkan di lima buah lokasi seperti di Balai Raya Kampung Menengah (Mukim Bangar), Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar (Mukim Batu Apoi), Balai Raya Kampung Senukoh (Mukim Labu), Rumah Panjang Kampung Sibut (Mukim Amo) dan Rumah Panjang Kampung Semabat (Mukim Bokok).

Dengan adanya rak buku ‘Sudut Penerangan’ itu dihasrat untuk berkongsi maklumat kerajaan dengan mudah dan terkini selain diharap para pengguna untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan dan memelihara sudut berkenaan dengan sentiasa mengemas rapi rak berkenaan selepas menggunakanannya.



## Lindungi Diri dan Orang Sekililing Awda dari Menjadi Sakit.

### CUCI TANGAN AWDA:



- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghidapi tanda-tanda influenza
- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

## Jalani penempatan kerja di DBP

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



DUA orang Penyambut Tetamu, Dayang Mariana binti Jais (kiri) dan Dayang Sadiyah binti Haji Kahar (kanan) semasa menjalani penempatan kerja secara berasingan di Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara.

**K**ERJAYA sebagai seorang Pustakawan mempunyai pelbagai cabaran dan amat berbeza dengan kerjaya-kerjaya yang lain.

Di Negara Brunei Darussalam peluang pekerjaan sebagai Pustakawan masih wujud sama ada di kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan ataupun swasta.

Pustakawan merupakan kerjaya yang memberikan peluang kepada individu untuk berinteraksi dengan pelbagai peringkat umur masyarakat pengguna perpustakaan.



BAHAN-BAHAN perpustakaan hingga ke hari ini masih relevan untuk diguna pakai.

Di era Revolusi Industri 4.0, tugas sebagai Pustakawan tidak dinafikan turut menerima cabaran dan saingan dalam meraih pelbagai kemahiran ke arah memberikan perkhidmatan yang berkesan dalam menyampaikan informasi kepada pengguna-pengguna perpustakaan.

Jabatan Penerangan sebagai salah satu agensi penyalur maklumat kepada orang ramai juga setentunya memerlukan Pustakawan yang mempunyai pengetahuan mengenai hal ehwal perpustakaan sebagai pendukung bagi memudahkan penyaluran informasi dan maklumat.

Walaupun ketika ini, jabatan tidak mempunyai Pustakawan setelah kedua-dua Pustakawan bersara, namun usaha untuk mencari pelapis sementara amat perlu bagi membantu hal ehwal berkaitan dengan perpustakaan.

Ke arah itu, jabatan ini pada bulan Julai dan Ogos lepas menghantar dua orang Penyambut Tetamu, Dayang Mariana binti Jais dan Dayang Sadiyah binti Haji Kahar untuk menghadiri penempatan kerja di Dewan Bahasa dan Pustaka secara berasingan.

Dayang Sadiyah yang mengikuti penempatan kerja bermula 16 hingga 29 Julai 2020 menjelaskan,

walaupun penempatan ini berlainan dengan jawatan yang dipegangnya, namun beliau merasa beruntung kerana dapat menimba ilmu mengenai bidang Pustakawan.

Tambahnya mempelajari bidang baharu dalam bidang perpustakaan ini memerlukan penelitian yang khusus memandangkan di era teknologi ini terdapat para pengguna yang cenderung kepada pembacaan digital walaupun pembacaan buku secara fizikal masih menjadi pilihan para pengguna perpustakaan dan khidmat Pustakawan ketika ini masih diperlukan.

Sementara, Dayang Mariana yang menjalani penempatan kerja bermula 3 hingga 30 Ogos 2020 berkata memandangkan tugas beliau hanya sebagai Penyambut Tetamu, banyak tugas dalam bidang Pustakawan yang masih perlu dipelajari dan ini merupakan suatu cabaran baginya walaupun beliau hanya diperbantukan dalam bidang Pustakawan ini buat sementara.

Kedua-dua mereka berharap penempatan kerja seumpama ini dapat dilaratkan dan dikongsi kepada kakitangan lain yang bersesuaian sebagai pelapis seterusnya.



*SALAH seorang pengunjung yang membuat rujukan di Pusat Rujukan Jabatan Penerangan.*

Bagi memudahkan tugas-tugas pencarian maklumat untuk disajikan kepada para pengguna gedung ilmu ini, pengendali perpustakaan perlu sentiasa diberikan latihan dan kemahiran ke arah menyokong konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui peningkatan kemahiran mencari maklumat dan meneroka ilmu pengetahuan.



Dapatkan maklumat terkini mengenai wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Taip ‘Hi’ dan hantar ke **+6738333148** melalui WhatsApp.

---

Get the latest update on COVID-19 pandemic in Brunei Darussalam.

Text ‘Hi’ and send to **+6738333148** via WhatsApp.



كمترنن كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH



كتورى قشقوقت دا انفوكومونيكاسي  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
**MTIC**



فوس كيتشان باي كلجان  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAH PENGETAHUAN DAN INFOKOMUNIKASI  
BRIUNEI DARUSSALAM

## PEDOMAN

# Pahala dan keutamaan bersedekah

**S**ESUNGGUHNYA bersedekah itu umpama suatu pelaburan yang tidak akan mengalami kerugian walau sedikit pun, bahkan ia adalah sangat menguntungkan. Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga kita mendapat naungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata‘ala di hari kiamat kelak dan mudah-mudahan negara kita dihindari dari apa jua musibah dan bala bencana.

Firman Allah Subhanahu Wata‘ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 tafsirnya:

*“Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurniaan-Nya) lagi Maha Mengetahui.”*

- Petikan Khutbah Jumaat edisi Pelita Brunei keluaran Sabtu,  
10 Zulhijah 1441 Hijrah/1 Ogos 2020 Masihi

# Belia siaga masa depan

**S**ESUNGGUHNYA belia yang dididik dan dibimbing dengan nilai-nilai agama tidak akan mudah melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat.

Firman Allah Subhanahu Wata‘ala dalam Surah At-Tahrim, ayat 6 tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan-Nya.”*

- Petikan Khutbah Jumaat edisi Pelita Brunei keluaran Sabtu,  
17 Zulhijah 1441 Hijrah/8 Ogos 2020 Masihi

# Bahaya sifat riyak

**B**ERHATI-HATILAH wahai kaum Muslimin, kerana setiap perbuatan yang kita lakukan dengan tujuan untuk mendapatkan sanjungan, waima kita sanggup berjihad mengorbankan nyawa dan harta, akan tetapi jika dilakukan dengan niat untuk mendapatkan pujian dan penghargaan, Allah Subhanahu Wata‘ala tidak akan memandangnya sebagai pahala sebaliknya Allah Subhanahu Wata‘ala akan menempatkan dan mencampakkan orang sedemikian ke dalam neraka-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata‘ala dalam Surah Al-Maun, ayat 4-6 tafsirnya:

*“Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Iaitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riyak.”*

- Petikan Khutbah Jumaat edisi Pelita Brunei keluaran Sabtu,  
24 Zulhijah 1441 Hijrah/15 Ogos 2020 Masihi

## Memperbaiki diri dengan muhasabah

**B**ERSEMPENA Awal Tahun 1442 Hijrah ini, marilah kita sama-sama bermuhasabah dan menanamkan azam, ke arah kecemerlangan untuk menjadi hamba Allah Subhanahu Wata‘ala yang lebih bertakwa, lebih pemurah, lebih patuh dan mentaati segala suruhan Allah Subhanahu Wata‘ala dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata‘ala dalam Surah An-Nisa, ayat 100 tafsirnya:

*“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala (hijrahnya) di sisi Allah. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”*

- Petikan Khutbah Jumaat edisi Pelita Brunei keluaran Sabtu,  
3 Muharam 1442 Hijrah/22 Ogos 2020 Masihi

## Menjauhi sifat nifak

**M**ARILAH kita menjauhkan diri daripada sifat-sifat tercela agar kita tidak tergolong dalam kalangan orang-orang munafik. Sama-sama kita berdoa semoga kita dan keluarga kita menjadi orang-orang yang beriman terhadap Allah Subhanahu Wata‘ala dan Rasul-Nya, bertakwa dan beramal soleh serta seterusnya tergolong dalam kalangan ahli syurga dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata‘ala jua. Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

Firman Allah Subhanahu Wata‘ala dalam Surah An-Nisa, ayat 145 tafsirnya:

*“Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan di tingkat yang paling bawah sekali dalam neraka. Dan engkau sekali-kali tidak akan mendapat sesiapa pun yang boleh menjadi penolong bagi mereka.”*

- Petikan Khutbah Jumaat edisi Pelita Brunei keluaran Sabtu,  
10 Muharam 1442 Hijrah/29 Ogos 2020 Masihi

## Selera Kampung Kitani

Sumber: Bahagian Pelita Brunei dengan kerjasama Kampung Setia 'B', Daerah Brunei Muara  
Foto: Azmah Haji Ahad



**Kampung Setia 'B'**

### Bahan-bahannya:

½ kilo pisang mentah  
10 ekor udang hidup (sedang besar)  
4 ulas bawang merah  
3 ulas bawang putih  
1 biji lada hidup  
1 sudu lada kisar  
¾ kilo santan  
½ sudu garam  
½ sudu serbuk perasa  
½ sudu lada sulah  
Minyak

### Cara-cara membuatnya:

Panaskan minyak, masukkan bawang merah dan bawang putih masak sehingga kekuningan/keluarkan bau. Setelah itu, masukkan lada kisar, lada hidup dan udang hidup sehingga masak udang. Kemudian masukkan pisang dan gaul sehingga layu, kemudian masukkan santan dan garam, serbuk perasa dan lada sulah.



# حوالن بوکو تریتین جابتن قزعن

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

## HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00
2019	\$7.00

## KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016



Harga  
\$3.50



## HALUAN


Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50
2018	\$13.50

## BRUNEI-MUARA DISTRICT



Harga  
\$4.00

## BELAIT DISTRICT



Harga  
\$3.50

## TUTONG DISTRICT



## CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG, BANGAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

## TEMBURONG DISTRICT



## BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



## Tahun

2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00
2020	\$15.00

## IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS,  
BB3610, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



## HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00
2019	\$5.50

## Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[@infodept\\_bn](https://twitter.com/infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

Tel : 2383400 Faks : 2382242